


DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic Partners:



Lembaga Muzium Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat University, Thailand



Far Eastern University Philippines



Hanseo University Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail


Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjilid
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com



Ida Puteri Mahsan

Konflik Pandemi

Gaya dominan abstrak ekspresionisme yang bercirikan kesan ekspresi sapuan berus bebas seolah-olah sebuah catan dan diiringi dengan gabungan kepelbagaian kategori warna termasuklah warna primer, sekunder, tertier dan neutral.

Kesan visual digital ini kelihatan seperti calitan sapuan berus bagi sebuah catan ekspresi. Proses karya ini bermula dengan sapuan berus dengan menggunakan cat akrilik di atas permukaan dua kanvas yang berbeza saiz. Kanvas pertama adalah bercirikan motif bunga matahari, manakala kanvas yang kedua adalah karya ekspresi warna secara abstrak ekspresionis. Proses digitalisasi bermula apabila pelukis menggunakan pengalaman dan kemahiran

penggunaan perisian grafik dalam proses visualisasi seni. Pelukis sememangnya telah didedahkan dengan apresiasi seni secara seni halus dan seni grafik. Gabungan kedua-dua visualisasi ini dapat membantu pengkarya menterjemahkan dan menjana idea dengan lebih meluas. Kombinasi sapuan berus secara fizikal dan kesan 'filter' pada perisian Adobe Photoshop dapat memberikan kepuasan kepada pengkarya dalam berimajinasi, bereksperimentasi dan berekspresi. Ekspresi karya ini dicituskan daripada situasi wabak pandemik COVID 19. Kesemua rakyat Malaysia tidak kira agama, bangsa, pangkat, umur dan jantina mengalami tekanan, konflik dan trauma akibat pandemik ini.

Fenomena ini berpanjangan hingga kini walaupun pelbagai strategi telah disusun atur. Imej dominan bunga matahari berwarna ungu menggambarkan kepelbagaian emosi termasuklah perasaan suka, duka, tenang, panik, sedih dan sebaliknya. Pelbagai konflik dalam diri dan konflik dalam komuniti telah dialami sendiri oleh pelukis. Calitan warna hijau sebagai representasi alam semulajadi menjadi satu keperluan dalam memberi sedikit ketenangan pada pelukis. Ketenangan daripada warna alam semulajadi memberi sedikit ruang kepada pengkarya untuk berhenti memikirkan pelbagai tuntutan baharu dalam meneruskan kehidupan. Kehidupan baharu ini memberi kesan kepada tanggungjawab yang perlu difikirkan demi menjaga masa depan generasi akan datang. Pengkarya merupakan seorang pendidik di rumah, juga di institusi pengajian tinggi, sentiasa mengasah minda, menentukan hala yang terbaik untuk menjadikan anak bangsa tidak hilang arah tujuan.

Calitan warna panas pada sebahagian ruang, menunjukkan ekspresi ketidaktentuan yang kadangkala menyinggah dalam hati. Akibat daripada perintah kawalan sendiri, pengkarya juga merasakan keterbatasan dalam bersosialisasi yang dulunya menjadi asbab kepada pencarian ilmu. Situasi ini sedikit sebanyak mempengaruhi emosi dalaman yang sentiasa berbolak balik. Ekspresi warna kuning pula, sebagai simbol bertenaga dan semangat yang perlu sentiasa dipupuk dalam minda dan diri kita ketika menjalani kehidupan norma baharu ini. Semangat yang perlu dipupuk ini, tidak boleh terhenti. Sokongan dan dorongan dari orang yang terdekat, yang berfikir positif perlu dicari dan digali sedalam dalamnya. Pengolahan ruang cetek dalam karya diwujudkan melalui transisi saiz imej bulatan. Ia juga memberikan ilusi pergerakan. Imej bulatan tersebut adalah gambaran rantai virus yang diharapkan hilang dari kewujudan. Olan ruang melalui warna terang dan gelap pada segenap sudut yang tertentu dipaparkan bagi mewujudkan pelbagai sudut pandangan kepada penonton. Sudut pandangan penonton perlu diberi kepelbagaian dari aspek unsur dan prinsip seni termasuklah rupa, bentuk, jalinan, ruang, ritma, pengulangan, kontra dan dominan.



IDA PUTERI BINTI MAHSAN
Konflik Pandemi

Digital
21 cm x 29.7 cm
FB: Idaputeri Mahsan
Idam08126@gmail.com

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1

